



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 54  
No. 26

**31hb Disember 2010**

*TAMBAHAN No. 157*  
*PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 475.**

**AKTA SETEM 1949**

**PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 3) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 3) 2010**.

**Peremitan**

2. (1) Lima puluh peratus diremitkan daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik bagi pembelian satu unit sahaja harta kediaman yang berharga tidak lebih daripada tiga ratus lima puluh ribu ringgit (RM350,000) oleh seseorang individu warganegara Malaysia dengan syarat bahawa—

- (a) Perjanjian Jual Beli bagi harta kediaman yang disebut dalam subperenggan (1) disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2011 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2012;
- (b) individu yang disebut dalam subperenggan (1) tidak memiliki harta kediaman yang lain pada tarikh Perjanjian Jual Beli itu disempurnakan; dan

(c) permohonan bagi peremitan duti setem di bawah subperenggan (1) boleh dibuat hanya sekali.

(2) Dalam perenggan ini—

“harta kediaman” ertinya rumah, unit kondominium, pangsapuri atau rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman; dan

“individu” ertinya seorang pembeli atau pembeli bersama.

Dibuat 1 Disember 2010

[Per.CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2011)(SK. 3); LHDN.01/32.3(S)/42/68-100-3-1; PN(PU<sup>2</sup>)159/XXXV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 3) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) (No. 3) Order 2010**.

**Remission**

2. (1) Fifty per cent is remitted from the stamp duty chargeable on any instrument of transfer for the purchase of only one unit of residential property costing not more than three hundred and fifty thousand ringgit (RM350,000) by an individual who is a Malaysian citizen, provided that—

- (a) the Sale and Purchase Agreement for the purchase of the residential property referred to in subparagraph (1) is executed on or after 1 January 2011 but not later than 31 December 2012;
- (b) at the date of execution of that Sale and Purchase Agreement the individual referred to in subparagraph (1) does not own any other residential property; and
- (c) the application for the remission of stamp duty under subparagraph (1) may only be made once.

(2) In this paragraph—

“residential property” means a house, a condominium unit, an apartment or a flat built as a dwelling house; and

“individual” means a purchaser or co-purchasers.

Made 1 December 2010

[Per. CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9)(2011)(SK. 3); LHDN.01/32.3(S)/42/68-100-3-1; PN(PU<sup>3</sup>)159/XXXV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

P.U. (A) 476.

#### AKTA SETEM 1949

#### PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 4) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

#### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 4) 2010**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

#### Peremitan

2. (1) Amaun duti setem yang kena dibayar di bawah subsubbutiran 22(1)(b) Jadual Pertama Akta yang melebihi kosong perpuluhan satu peratus (0.1%) daripada apa-apa jumlah atau sejumlah wang berhubung dengan apa-apa surat cara perjanjian perkhidmatan yang boleh dikenakan duti di bawah subsubbutiran itu yang disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2011 adalah diremitkan.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), surat cara perjanjian perkhidmatan adalah suatu perjanjian yang disempurnakan oleh—

(a) suatu penyedia perkhidmatan utama dengan seseorang selain daripada Raja bagi sesebuah Negeri atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang mengawardkan pengusahaan itu; atau

(b) suatu subpenyedia perkhidmatan dengan penyedia perkhidmatan utama yang mana penyedia perkhidmatan utama telah membuat suatu aku janji dengan Raja bagi sesebuah Negeri atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang mengawardkan pengusahaan itu.